



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP PENGLIBATAN PESERTA
DALAM PROJEK HALA CARA BARU
PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR**

HAJI ABDULLAH BIN HAJI YATIM

FPP L 1992 3

**TAHAP PENGLIBATAN PESERTA
DALAM PROJEK HALA CARA BARU
PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR**

Oleh

HAJI ABDULLAH BIN HAJI YATIM

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah
Master Sains di Pusat Pengembangan dan
Pendidikan Lanjutan,
Universiti Pertanian Malaysia**

September 1992



Khas Untuk Bonda, Isteri Dan Anak-anak



PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur saya kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya sempurnakan kajian ini. Di ruangan ini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Ibrahim Bin Mamat dan Encik Khairuddin Idris di atas nasihat dan bimbingan yang diberi untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Fadzilah Kamsah, Puan Saodah Bt. Wok, Dr. Mohd Salleh Bin Hj. Hassan, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Nasir Ismail, Prof. Madya Dr. Rahim Md. Sail dan individu-individu lain yang telah sudi memberi sumbangan berbentuk buah fikiran, nasihat dan panduan yang telah banyak membantu saya dalam penulisan tesis ini. Semoga Allah senantiasa memberi kekuatan kepada mereka untuk terus berbakti kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dr. Alang Perang Zainuddin dan anak-anak buah di PPPL kerana senantiasa bermurah hati menghulurkan segala bentuk kemudahan kepada saya di sepanjang tempoh pengajian.

Penghargaan yang tinggi juga saya tujukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti



kursus Ijazah lanjutan ini. Segala ilmu yang diperolehi akan saya curahkan sepenuhnya untuk kebaikan perkhidmatan.

Akhir sekali, saya dedikasikan tesis ini kepada keluarga tersayang khususnya kepada anakanda Nurain kerana kelahiranmu telah memberi Abah inspirasi untuk meneruskan pengajian sehingga ke saat jaya.

Wassalam.

Taman Tun Dr. Ismail,
Kuala Lumpur
September 1992



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang dan Pengenalan Kepada Projek Hala Cara Baru	1
	Kenyataan Masalah	4
	Objektif Kajian	5
	Kepentingan Kajian	6
	Batasan Kajian	7
	Definisi Istilah	8
II	SOROTAN LITERATUR	10
	Hasil Kajian Masa Lalu	10
	Konsep, Matlamat dan Strategi Projek HCB	10
	Pengertian Konsep Penglibatan	16
	Kepentingan Penglibatan Dalam Konteks Pelaksanaan Projek Pembangunan	19
	Teori Mengenai Penglibatan	21
	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan	25
	Kerangka Kon	39
	Hipotesis Kajian	41
III	METODOLOGI KAJIAN	44
	Lokasi Kajian	44
	Populasi dan Prosedur Persampelan	46
	Soal Selidik	48
	Definisi Dan Kaedah Pengukuran Angkubah	51
	Angkubah Sandar	51
	Angkubah Bebas	54

Muka Surat

	Pengumpulan Data	60
	Analisis Data	62
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	63
	Latar Belakang Responden	63
	Umur dan Taraf Pendidikan	63
	Pendapatan dan Keluasan Tanah Milik	64
	Latihan dan Penglibatan Responden	
	Dalam Organisasi Setempat	67
	Ciri-ciri Angkubah Bebas Kajian	68
	Pendedahan Responden Kepada Maklumat	69
	Usaha Pengembangan Oleh Agensi Pelaksana ..	70
	Kefahaman Responden Terhadap Konsep	
	Pembangunan HCB	71
	Tanggapan Responden Terhadap Matlamat	
	dan Strategi Projek HCB	71
	Tanggapan Responden Terhadap Faedah	
	Penglibatan Dalam Projek HCB	73
	Sikap Responden Terhadap Pegawai Agensi	
	Pelaksana	74
	Sikap Responden Terhadap Aktiviti	
	Berkelompok	75
	Sikap Responden Terhadap Pembaharuan	76
	Analisis Tahap Penglibatan Responden Dalam	
	Perencanaan Projek HCB	77
	Penglibatan Responden Dalam Perancangan	
	Aktiviti Projek HCB	77
	Penglibatan Responden Dalam Pelaksanaan	
	Aktiviti Projek HCB	80
	Penglibatan Responden Dalam Penilaian	
	Aktiviti Projek HCB	83
	Penentuan Tahap Penglibatan Secara	
	Menyeluruh	86
	Penerimaan Responden Terhadap Pelaksanaan	
	Aktiviti Projek HCB	87
	Penerimaan Responden Terhadap Pelaksanaan	
	Aktiviti Utama Projek HCB	88
	Penerimaan Responden Terhadap Pelaksanaan	
	Aktiviti Sampingan Projek HCB	91
	Tanggapan Responden Terhadap Matlamat	
	dan Strategi Projek HCB	95
	Tanggapan Responden Terhadap Matlamat	
	Projek HCB	96
	Tanggapan Responden Terhadap Strategi	
	Projek HCB	99

Muka Surat

Analisis Hubungan Antara Tahap Kemajuan Projek HCB Dengan Tahap Penglibatan Responden Dalam HCB	101
Ujian Hipotesis	106
Hubungan Antara Umur Dengan Penglibatan ..	108
Hubungan Antara Pendapatan Keluarga Dengan Penglibatan	109
Hubungan Antara Taraf Pendidikan Dengan Penglibatan	110
Hubungan Antara Keluasan Tanah Milik Dengan Penglibatan	110
Hubungan Antara Keanggotaan Responden Dalam Organisasi Setempat Dengan Penglibatan	111
Hubungan Antara Latihan Yang Pernah Diikuti Dengan Penglibatan	111
Hubungan Antara Pendedahan Responden Kepada Maklumat Dengan Penglibatan	112
Hubungan Antara Usaha Pengembangan Oleh Agensi Pelaksana Dengan Penglibatan	112
Hubungan Antara Kefahaman Responden Terhadap Konsep Pembangunan HCB Dengan Penglibatan	113
Hubungan Antara Tanggapan Responden Terhadap Matlamat dan Strategi Projek HCB Dengan Penglibatan	113
Hubungan Antara Tanggapan Responden Terhadap Faedah Penglibatan Dalam Projek HCB Dengan Penglibatan	114
Hubungan Antara Sikap Responden Terhadap Pegawai Agensi Pelaksana Dengan Penglibatan	114
Hubungan Antara Sikap Responden Terhadap Aktiviti Berkelompok Dengan Penglibatan	115
Hubungan Antara Sikap Responden Terhadap Pembaharuan Dengan Penglibatan	115
Hubungan Beberapa Kelompok Angkubah Bebas Dengan Penglibatan	116
Ujian Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Antara Penglibatan Dengan Angkubah-angkubah Bebas Terpilih	118



V	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	122
	Ringkasan	122
	Latar Belakang Masalah	122
	Objektif Kajian	123
	Metodologi Kajian	124
	Ringkasan Hasil Kajian	124
	Kesimpulan dan Implikasi	136
	Tahap Penglibatan	136
	Faktor Berhubung Dengan Tahap Penglibatan Rendah	138
	Faktor Utama Penglibatan Peserta Dalam Projek HCB	141
	Strategi HCB Yang Berkesan	148
	Cadangan Untuk Meningkatkan Tahap Penglibatan Peserta Dalam Projek HCB	154
	Cadangan Untuk Kajian Masa Hadapan	163
	RUJUKAN	165
	LAMPIRAN	
	A Senarai Kawasan Perintis HCB	172
	B Kriteria-kriteria Yang Digunakan Oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Untuk Menentukan Tahap Kemajuan Sesebuah Kawasan Hala Cara Baru	175
	C Borang Soal Selidik	177
	D Jadual-jadual Tambahan	197
	VITA	207

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan Responden Mengikut Cadangan Asal Pemilihan Sampel Dengan Menggunakan Teknik Persampelan Bernisbah	47
2	Taburan Responden Setiap Kawasan Kajian Mengikut Teknik Persampelan Berkuota	49
3	Nilai Alpha Koefisien Bagi Angkubah Kajian Yang Diuji	50
4	Taburan Responden Mengikut Umur dan Taraf Pendidikan	64
5	Taburan Responden Mengikut Keluasan Tanah Milik dan Pendapatan	65
6	Taburan Responden Mengikut Keanggotaan Dalam Organisasi Setempat dan Kekerapan Mengikuti Latihan	67
7	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendedahan Kepada Maklumat	69
8	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Terhadap Usaha Pengembangan Oleh Agensi Pelaksana	70
9	Taburan Responden Mengikut Tahap Kefahaman Terhadap Konsep Pembangunan HCB	72
10	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Terhadap Matlamat dan Strategi Projek HCB	72
11	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Terhadap Faedah Penglibatan Dalam Projek HCB	74



Jadual	Muka Surat
12	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Sikap Terhadap Pegawai Agensi Pelaksana 75
13	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Sikap Terhadap Aktiviti Berkelompok 76
14	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Sikap Terhadap Pembaharuan 77
15	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Perancangan Aktiviti Projek HCB 79
16	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Setiap Aspek Perancangan Aktiviti Projek HCB 80
17	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan di Peringkat Pelaksanaan Projek HCB 81
18	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Setiap Aspek Pelaksanaan Aktiviti Projek HCB 82
19	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan di Peringkat Penilaian Aktiviti Projek HCB 84
20	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Bagi Setiap Aspek Penilaian Aktiviti Projek HCB 85
21	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Secara Menyeluruh Dalam Perencanaan Projek HCB 86
22	Penerimaan Responden Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Utama Projek HCB 88
23	Penerimaan Responden Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Sampingan Projek HCB 92
24	Taburan Responden Mengikut Skor Tanggapan Terhadap Matlamat HCB Secara Menyeluruh 96



Jadual	Muka Surat
25	Taburan Responden Mengikut Skor Tanggapan Bagi Setiap Matlamat Projek HCB 97
26	Taburan Responden Mengikut Skor Tanggapan Bagi Keseluruhan Strategi Projek HCB 99
27	Taburan Responden Mengikut Skor Tanggapan Bagi Setiap Strategi Projek HCB 100
28	Taburan Min dan Nilai F Untuk Melihat Perkaitan Tahap Penglibatan Dengan Tahap Kemajuan Kawasan Projek HCB 103
29	Perbandingan Pertambahan Pendapatan dan Keluasan Tanah Yang Dimajukan di Bawah Projek HCB di Antara Kawasan Maju Dengan Kurang Maju 104
30	Ujian Korelasi Pearson Antara Penglibatan Responden Dalam HCB Dengan Angkubah Bebas Terpilih 107
31	Hasil Ujian Korelasi Empat Kelompok Angkubah Bebas Dengan Penglibatan 117
32	Hasil Ujian Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Antara Tahap Penglibatan Dengan Angkubah-angkubah Bebas Terpilih 120
33	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan 198
34	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan 198
35	Taburan Responden Mengikut Keluasan Tanah Milik 199
36	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Mengikuti Kursus 199
37	Taburan Responden Mengikut Jenis Organisasi Yang Dianggotai dan Jenis Keanggotaan Dalam Organisasi 200



Jadual	Muka Surat
38	Tanggapan Responden Terhadap Beberapa Bidang Pengembangan Oleh Agensi Pelaksana dan Lain-lain Agensi Pembangunan Kampung 201
39	Tanggapan Responden Terhadap Kadar Ke kerap an Usaha Pengembangan Yang Diberi Oleh Agensi Pelaksana 202
40	Tanggapan Responden Terhadap Sumbangan Usaha Pengembangan Dalam Membantu Pelaksanaan Aktiviti Projek HCB 203
41	Tanggapan Responden Terhadap Masa Hadapan Industri Kecil/Kraftangan 204
42	Taburan Responden Mengikut Tahap Penilaian Ke Atas Kenyataan-kenyataan Yang Digunakan Untuk Mengukur Tanggapan Terhadap Matlamat Projek HCB 205
43	Taburan Responden Mengikut Tahap Penilaian Ke Atas Kenyataan-kenyataan Yang Digunakan Untuk Mengukur Tahap Tanggapan Terhadap Strategi-strategi Projek HCB 206



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Konseptual Kajian	42
2	Peta Menunjukkan Lokasi Kawasan Kajian	45

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**TAHAP PENGLIBATAN PESERTA DALAM
PROJEK HALA CARA BARU
PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN LUAR BANDAR**

Oleh

HAJI ABDULLAH BIN HAJI YATIM

September 1992

Pengerusi: Ibrahim Bin Mamat, Ph. D.

Fakulti: Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Projek Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar (HCB) telah dilancarkan untuk pelaksanaan pada tahun 1984. Sungguhpun tujuh tahun telah berlalu, kemajuan pelaksanaannya didapati kurang memuaskan. Tahap penglibatan peserta yang rendah telah dikaitkan dengan masalah pelaksanaan projek tersebut. Tujuan umum kajian ialah untuk menentukan faktor-faktor berhubung dengan penglibatan peserta dalam projek Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar. Secara khusus, kajian ini bertujuan mengetahui: (i) tahap penglibatan peserta dalam perencanaan projek HCB, (ii) penerimaan responden terhadap pelaksanaan aktiviti projek HCB, (iii) tanggapan peserta terhadap matlamat dan strategi projek HCB, (iv) hubungan antara tahap pelaksanaan projek dengan tahap penglibatan peserta, dan (v) hubungan antara penglibatan dengan beberapa angkubah bebas terpilih kajian.



Sejumlah 140 responden telah dipilih dari empat kawasan perintis projek HCB dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Data dianalisis dengan komputer menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS PC+).

Hasil kajian menunjukkan: (i) secara keseluruhannya penglibatan peserta dalam projek HCB adalah rendah. Sebanyak 68.6% responden berada di tahap skor rendah, 20.7% di tahap sederhana dan 10.7% di tahap tinggi. Peserta didapati terlibat secara aktif dalam pelaksanaan aktiviti projek tetapi tidak dalam penilaian projek. Di antara empat kawasan kajian responden dari Parit Seraya menunjukkan tahap penglibatan tertinggi manakala Mulong Lating di tahap penglibatan paling rendah. (ii) Penerimaan peserta terhadap pelaksanaan aktiviti utama projek HCB adalah memuaskan, kecuali dalam aktiviti industri kecil. Penglibatan peserta dalam aktiviti sampingan HCB didapati tidak memuaskan. Daripada tujuh aktiviti, hanya tiga aktiviti mendapat lebih 20% penyertaan. (iii) Pada keseluruhannya, peserta mempunyai tanggapan yang positif terhadap matlamat projek HCB. Lebih 80% beranggapan matlamat HCB boleh dicapai kelak. Sebanyak 60% peserta mempunyai tanggapan sederhana terhadap strategi HCB yang digunakan. (iv) Ujian Tukey menunjukkan wujud perbezaan min yang nyata bagi beberapa faktor penglibatan yang diuji di antara kawasan HCB yang maju dengan yang kurang maju. Ini menunjukkan bahawa tahap kemajuan projek HCB mempunyai hubungan dengan tahap penglibatan peserta dalam aktiviti yang dianjurkan. (v) Daripada 14 angkuabah yang diuji didapati 13 angkuabah mempunyai hubungan positif dengan tahap penglibatan. Umur peserta didapati mempunyai hubungan secara negatif. Ujian korelasi ke atas angku-

bah bebas secara kelompok pula menunjukkan faktor komunikasi/pengembangan mendahului faktor-faktor lain dari segi keertian hubungan dengan penglibatan.

Ujian regresi pula menunjukkan hanya enam angkubah sahaja didapati paling bererti dalam menentukan tahap penglibatan peserta. Pendedahan kepada maklumat mendahului urutan keutamaan diikuti oleh usaha pengembangan oleh agensi pelaksana, keanggotaan dalam organisasi setempat, keluasan tanah milik, latihan yang diikuti dan sikap terhadap aktiviti berkelompok.

Antara jalan yang boleh diambil untuk meningkatkan penglibatan peserta ialah dengan cara (a) melibatkan mereka secara lebih aktif dalam pengurusan projek, (b) meningkatkan usaha pengembangan oleh agensi pelaksana terutama kemudahan latihan dalam kaedah pelaksanaan aktiviti projek HCB, (c) menggunakan kaedah komunikasi yang lebih berkesan seperti hubungan antara perseorangan dan alat media elektronik yang sesuai dan (v) mempelbagaikan aktiviti HCB supaya dapat memberi lebih banyak peluang penglibatan terutama kepada peserta yang tidak mempunyai tanah.

Kesimpulannya, penglibatan peserta dalam projek HCB bergantung kepada banyak faktor. Latar belakang diri adalah penting kerana ia dapat mempengaruhi individu dari segi psikologi untuk menerima sesuatu pembaruan. Namun begitu faktor luar seperti peranan agensi pelaksana dan media massa dapat membantu penerimaan peserta terhadap projek.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian
Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of
Master of Science.

**THE LEVEL OF PARTICIPANTS' INVOLVEMENT IN THE
HALA CARA BARU PROJECT FOR THE
DEVELOPMENT OF VILLAGES AND RURAL AREAS**

By

HAJI ABDULLAH BIN HAJI YATIM

September 1992

Chairman: Ibrahim Bin Mamat, Ph. D.

Faculty: Centre for Extension and Continuing Education

The Hala Cara Baru (HCB) project for the development of the villages and rural areas was launched in 1984 for implementation. Though seven years have passed, not much progress is achieved in term of its implementation. Low level of participants' involvement is among the factors associated with its implementation problems. The prime objective of the research is to determine the factors associated with the level of participants' involvement in the HCB. The specific objectives are to determine (i) the level of participants' involvement in the HCB (ii) the participants' response toward the implementation of the HCB activities (iii) participants' perception toward the HCB objectives and its implementation strategies (iv) association between the level of participants' involvement and the level of project implementation achieved, and (v) association between participants' involvement and some selected independent variables.



Altogether 140 respondents were selected randomly from four project areas, for the interview. Data were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS PC+).

The research revealed that: (i) participants' involvement in the project were generally low. About 68.6% of the respondents obtained low participation score, 20.7% medium and 10.7% high. Research also showed that participants were actively involved in project implementation but not in project evaluation. Among the four research areas, respondents from Parit Seraya were the most active participants, while participants from Mulong Lating were the least active. (ii) Implementation of HCB activities were well accepted by the participants except the small scale industries. However, the implementation of most HCB supplementary activities were not well received. Only three out of seven activities attracted more than 20% involvement. (iii) Participants' perception towards the HCB objectives were generally good. More than 80% perceived the HCB would achieve its objectives. However, only 60% perceived the HCB strategies used, would achieve their objectives. (iv) There were relative mean differences in several participation factors tested by Tukey test, between the developed and the less developed HCB project areas. The test indicated that the success of HCB implementation was somewhat related to the level of participants' involvement in the project. (v) Thirteen out of fourteen variables tested were significantly related to the level of participation, while age was found to be related negatively. The correlation test also indicated that communication/extension factors were the most significant factors related to involvement compared to the other groups of variables.



Regression analysis showed only six out of fourteen variables were important predictors of participants' involvement in the HCB. The important predictors arranged in order of significance were respondents' exposure to information, extension efforts of the implementing agency, membership in local organization, size of land owned, training attended and participants' attitude towards group activities.

Among the ways suggested to increase participants' involvement in the HCB were (a) to allow the participant to get involved directly in the management of the project, (b) to increase extension efforts by implementing agency especially trainings related to project implementation, (c) to use more effective communication methods such as inter-personnel communication and more important the various electronic communication instruments available, (d) to diversify HCB activities so as to provide more participation opportunities especially to the landless.

In conclusion, participants' involvement on several factors. Personal characteristics are important determinants for participants' involvement in the HCB. However, external factors such as the role played by the implementing agency and the communication media are equally important.



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang dan Pengenalan Kepada Projek Hala Cara Baru

Pembangunan luar bandar di Malaysia telah bermula sejak beberapa dekad dahulu. Afiffuddin (1986) menyatakan pembangunan luar bandar telahpun berjalan sebelum Inggeris memerintah Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pembangunan itu telah berkembang dengan lebih pesat setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kadar pembangunan yang pesat itu dicapai melalui pelaksanaan berbagai usaha pembangunan secara berterusan dalam setiap penggal Rancangan Pembangunan Malaysia. Antara usaha yang giat dilaksanakan ialah pembinaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air paip; pembangunan tanah dan wilayah dan pemodenan sektor pertanian. Tujuan utama usaha pembangunan itu ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan juga untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk terutama penduduk di kawasan luar bandar.

Setakat ini usaha-usaha pembangunan itu telah banyak membawa kejayaan misalnya, lebih banyak kawasan pertanian baru telah dibuka serta pelbagai kemudahan asas dapat dibekalkan ke lebih banyak kawasan di luar bandar. Kadar kemiskinan juga telah berjaya dikurangkan daripada 59% dalam tahun 1970 kepada 20.7% dalam tahun 1985 dan 17.1% dalam tahun 1990 (Kerajaan Malaysia, 1991: 12).

Sungguhpun usaha pembangunan yang dijalankan selama ini telah membawa banyak kemajuan kepada negara, namun begitu usaha yang

berlipat ganda masih perlu diteruskan. Ini adalah kerana kemiskinan dan kemunduran didapati masih menjadi masalah terutama di kawasan pedalaman. Dalam tahun 1984 masih terdapat sebanyak 75,000 isirumah miskin di Semenanjung Malaysia (Kerajaan Malaysia, 1989: 53) yang memerlukan perhatian Kerajaan. Di samping itu masih terdapat sebanyak 4,500 buah kampung di kawasan pedalaman yang masih mundur kerana tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi (Utusan Malaysia, 2.6.1989). Taraf sosio-ekonomi penduduk di kampung-kampung berkenaan juga didapati masih rendah berbanding dengan kampung-kampung yang berhampiran dengan bandar-bandar.

Tindakan untuk membangunkan kampung-kampung tersebut sebenarnya menjadi lebih rumit kerana sebahagian besar daripada kampung-kampung itu didiami oleh beberapa keluarga sahaja dan terletak di kawasan terpencil yang sukar dihubungi. Jika kemudahan asas itu ingin terus dibekalkan, ia memerlukan kos yang tinggi. Strategi pembangunan secara sektoral yang dijalankan dahulu pula didapati kurang berkesan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan (Kerajaan Malaysia, 1984). Malahan strategi terdahulu telah menyebabkan banyak tanah milik menjadi terbiar. Jurang produktiviti antara sektor pertanian tradisional dengan sektor perladangan moden juga menjadi semakin luas (Zulkurnain, 1989).

Berlatar belakangkan masalah di atas, Y.A.B. Perdana Menteri pada 10 April 1984 telah memperkenalkan satu cara baru untuk membangun kawasan luar bandar iaitu melalui "Hala Cara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar." Rasional kerajaan bagi mengadakan Hala Cara Baru (HCB) ini adalah berasaskan kepada keyakinan bahawa strategi pem-

bangunan luar bandar yang dijalankan selama ini tidak begitu berjaya untuk membawa perubahan pada kadar yang diharapkan (INTAN, 1988).

Ringkasnya, projek HCB memperkenalkan konsep pembangunan bersepadu yang melibatkan pengelompokan dan pengurusan tanah secara ladang. Ia juga melibatkan penempatan semula kampung-kampung yang mundur dan terpencil ke satu kawasan penempatan baru yang disediakan kemudahan asas yang lengkap. Bagi kampung-kampung yang sudah mempunyai kemudahan asas yang lengkap tetapi keadaan sosio-ekonominya masih rendah, pembangunan ekonomi secara *in-situ* pula akan dijalankan. Kaedah ini tidak memerlukan penempatan semula kampung-kampung. Di samping memodenkan sektor pertanian, projek HCB juga menggalakkan penyertaan penduduk desa dalam aktiviti industri kecil. Langkah ini adalah bertujuan mempelbagaikan sumber ekonomi penduduk.

Konsep pembangunan ala HCB mengutamakan penglibatan yang tinggi dari setiap peserta. Ini adalah kerana salah satu daripada strategi projek memerlukan peserta menyerahkan hak usaha tanah mereka kepada agensi pelaksana untuk dimajukan. Dalam keadaan tertentu pula, kampung-kampung terpencil akan dipindah dan disusun semula. Semua ini memerlukan pengorbanan tinggi setiap peserta. Oleh itu, teras kejayaan pelaksanaan projek HCB banyak bergantung kepada kesedian, kerelaan serta sokongan setiap pihak yang terlibat.

Kenyataan Masalah

Apabila projek HCB diperkenalkan, sebanyak 27 kawasan telah dipilih untuk dimajukan sebagai kawasan perintis. Berikutan dengan itu, beberapa usaha telah dijalankan oleh agensi pelaksana untuk menggalakkan penglibatan peserta dalam setiap aktiviti projek HCB yang dianjurkan. Antara usaha itu termasuklah penerangan, bimbingan dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perencanaan projek HCB. Setelah tujuh tahun projek itu dilancarkan, secara keseluruhannya, didapati penglibatan sebahagian besar peserta masih berada di tahap rendah. Penglibatan peserta dalam industri kampung misalnya, cuma melibatkan 13% daripada keseluruhan peserta. Penglibatan peserta dalam Koperasi Pembangunan Kampung juga berada di tahap rendah. Tahap penglibatan di antara peserta juga didapati berbeza dan begitu juga kemajuan pelaksanaan projek di antara kawasan. Setakat ini cuma tujuh buah daripada 27 kawasan perintis telah berjaya dimajukan mengikut matlamat konsep dan jadual pelaksanaan seperti ditetapkan¹.

Boyle (1981) dan Blencowe *et al.* (1981) menegaskan bahawa penglibatan kumpulan sasar dalam perencanaan projek amat penting untuk menentukan penerimaan kumpulan sasar terhadap projek yang dijalankan. Ini menjelaskan bahawa kejayaan pelaksanaan projek HCB antara lain, bergantung kepada tahap penglibatan peserta dalam aktiviti-aktiviti HCB yang disediakan.

1. Wawancara dengan Setiausaha, Bahagian Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 26.12.1989.

Beberapa kajian mengaitkan penglibatan dengan beberapa faktor. Antara faktor itu ialah ciri-ciri demografi, usaha pengembangan dan komunikasi, sikap dan beberapa faktor kognitif. Alang (1977) misalnya, mendapati penglibatan ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam aktiviti yang dianjurkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan sumber maklumat kosmopolit. Kishor (1990) pula mendapati beberapa faktor sikap mempunyai hubungan dengan penglibatan penduduk dalam aktiviti perhutanan masyarakat di negara Nepal.

Persoalan utama yang wujud daripada persoalan di atas ialah, adakah faktor-faktor itu juga mempengaruhi penglibatan peserta dalam projek HCB? Di samping itu terdapat juga persoalan-persoalan lain seperti kenapakah terdapat perbezaan tahap penglibatan di antara peserta dan kawasan projek HCB? Adakah peserta mempunyai keyakinan terhadap matlamat dan strategi projek HCB? Secara khusus, persoalan berhubung dengan strategi pelaksanaan HCB juga boleh dibangkitkan. Misalnya, adakah aktiviti pengembangan yang digunakan mencukupi dan berkesan untuk membawa perubahan seperti yang diharapkan?

Objektif Kajian

Secara umum, kajian ini bertujuan menentukan faktor-faktor yang berkaitan dengan penglibatan peserta dalam projek Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar. Manakala secara khusus, objektif kajian ialah untuk menentukan:

1. Tahap penglibatan responden dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek HCB;